

# Giliran KM Sabah: Dr. M serahkan kepada rakyat

UM - 9 SEP 2003

Oleh  
NAZRULLAH ROSLI dan MOHD. RADZI ZIN

KOTA KINABALU 8 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan kepada rakyat Sabah untuk menentukan sama ada mahu mengekalkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri atau sebaliknya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, ia bergantung kepada rakyat Sabah apa yang mereka mahu dan kerajaan BN akan mendengar pandangan serta mengambil kira perasaan mereka.

“Sekiranya mereka (rakyat Sabah) mahu meneruskan dengan sistem itu, kita akan te-

ruskan dan jika mereka tidak gembira, sudah tentu kita menukar fikiran,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS) Ke-18 di Penampang di sini.

## Demokrasi

Turut hadir ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman; Setiausaha Agung BN Pusat, Tan Sri Mohamed Rahmat; Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan dan ketua-ketua parti komponen negeri dan juga wakil-wakil beberapa parti di Sarawak.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah itu boleh diteruskan pada masa ini memandangkan ada parti kompo-

nen BN negeri yang mahu sistem itu dimansuhkan.

Katanya lagi, BN perlu mendapatkan maklum balas daripada rakyat Sabah mengenai sistem penggiliran jawatan itu dan ini juga berkaitan dengan demokrasi.

“Ini bukannya persoalannya sama ada saya mahu (sistem itu ditukarkan) tetapi ia adalah persoalan sama ada rakyat Sabah mahukannya,” ujar beliau.

Sistem penggiliran jawatan yang diperkenalkan oleh BN pada tahun 1994 itu sudah dipegang oleh tujuh Ketua Menteri yang mewakili semua parti komponen BN di negeri ini.

■ Lihat muka 4

# Giliran KM Sabah: Dr. M serahkan kepada rakyat ✓

Sistem itu memberi kuota dua penggal kepada bumiputera Islam dan masing-masing satu penggal kepada bumiputera bukan Islam dan kaum Cina secara bergilir-gilir memegang jawatan Ketua Menteri.

Jawatan Ketua Menteri yang pertama disandang oleh Tun Sakaran Dandai, diikuti Datuk Salleh Tun Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan pada masa ini ialah Datuk Musa Aman.

Menyentuh mengenai ucapan beliau yang mahukan BN memenangi sekurang-kurangnya dua pertiga kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya akan datang, Dr. Mahathir berkata, kemenangan majoriti yang besar adalah penting supaya kerajaan BN boleh memerintah tanpa gangguan.

“Kita percaya kita boleh menang 100 peratus tetapi mungkin kita tidak boleh tahulah dalam pilihan raya... mungkin kerana ada apa-apa ke kita fikir dan kalah beberapa kerusi. Tetapi yang penting ialah kita dapat majoriti yang besar supaya kita boleh memerintah kerajaan tanpa gangguan,” ujarnya.

Mengenai amalan lompat parti antara ahli-ahli parti komponen BN pula, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mengetahui sama ada kerajaan boleh melaksanakan undang-undang bagi menghalang ahli-ahli parti dalam BN berbuat demikian.

“Terlalu sukar untuk dilaksanakan, tetapi kita akan merayu dan berharap kepada semua ahli BN agar tidak melompat parti,” katanya.